

Perketat saringan anugerah darjah, gelaran

KUALA LUMPUR 15 Okt. - Penganugerahan pingat dan darjah kebesaran negeri kepada setiap individu seharusnya dilakukan dengan lebih teliti dan disaring ketat bagi menjaga martabat institusi diraja daripada tercemar.

Sebagai contoh, kenyataan Tunku Mahkota Johor, Tunku Ismail Sultan Ibrahim dalam laman media sosial miliknya semalam bahawa pemberian pingat dan darjah kebesaran negeri itu hanya dianugerahkan kepada kira-kira 700 individu sejak tahun 1885 dapat mengangkat nilai sesuatu gelaran yang diberikan.

Perkara itu ditekankan Felo Utama Institut Kajian Etnik, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof. Datuk Dr. Teo Kok Seong yang berharap supaya kerajaan negeri memainkan peranan proaktif menasihati pihak istana dan menapis senarai individu yang hanya benar-benar layak dianugerahkan gelaran.

Jelas beliau, soal pemberian pingat menjadi perdebatan hangat



TEO KOK SEONG

sehinggakan ada segelintir rakyat tidak lagi menghormati institusi diraja selepas tersebarnya beberapa berita kurang enak, kononnya darjah kebesaran boleh dibeli.

“Walaupun proses penganugerahan ini sudah mempunyai panduan jelas dan perlu melalui saringan, namun perlu diakui ada yang tidak cermat, malah kita boleh lihat terdapat individu yang menerima pingat terlibat dalam kegiatan jenayah.

“Malang sekali apa bila ada segelintir rakyat cuba merendahkan martabat institusi diraja selepas melihat beberapa individu yang mungkin tidak layak menerima darjah kebesaran itu,” katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Sabtu lalu, lima menteri Kabinet merupakan antara 419 penerima darjah, bintang dan pingat kebesaran Melaka bersempena sambutan ulang tahun ke-80 Yang Dipertua Negeri, Tun Dr. Mohd. Khalil Yaakob tahun ini.

Lima menteri antara 419 penerima darjah Kebesaran Melaka

Perkara itu ditekankan Felo Utama Institut Kajian Etnik, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof. Datuk Dr. Teo Kok Seong yang berharap supaya kerajaan negeri memainkan peranan proaktif menasihati pihak istana dan menapis senarai individu yang hanya benar-benar layak dianugerahkan gelaran.

Jelas beliau, soal pemberian pingat menjadi perdebatan hangat

seinggakan ada segelintir rakyat tidak lagi menghormati institusi diraja selepas tersebarnya beberapa berita kurang enak, kononnya darjah kebesaran boleh dibeli.

“Walaupun proses penganugerahan ini sudah mempunyai panduan jelas dan perlu melalui saringan, namun perlu diakui ada yang tidak cermat, malah kita boleh lihat terdapat individu yang menerima pingat terlibat dalam kegiatan jenayah.

“Malang sekali apa bila ada segelintir rakyat cuba merendahkan martabat institusi diraja selepas melihat beberapa individu yang mungkin tidak layak menerima darjah kebesaran itu,” katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Sabtu lalu, lima menteri Kabinet merupakan antara 419 penerima darjah, bintang dan pingat kebesaran Melaka bersempena sambutan ulang tahun ke-80 Yang Dipertua Negeri, Tun Dr. Mohd. Khalil Yaakob tahun ini.

KERATAN Mingguan Malaysia
14 September 2018.